

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NATION

THE STAR M/S 2 NATION 11/12/2024 (RABU)

Govt mulls over generic drugs to rein in costs, end monopoly

By RAGANANTHINI VETHASALAM
raga@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: Noting the uncontrollable rise in the cost of medicine, the monopoly of some drug companies will be cancelled and the use of generic medication will be considered to control the said costs, says Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The Prime Minister said drug purchases over the years have resulted in a monopoly and because of this, the government will be cancelling the commitment of one or two companies.

"The Health Ministry will explore the possibility of sourcing generic medicines," he told the Dewan Rakyat during Prime Minister's Question Time, adding

that it is not necessary for medicines to be sourced from the United States or Europe, which are more costly.

Generic medicines are popular in Brazil, India and China, he said, in response to a supplementary question by Pulaui MP Suhaizan Kaiat on the quickest measure to resolve the issue of medical inflation.

To this, Anwar said the Diagnosis-Related Groups (DRGs) model will have to be expedited.

"I have instructed the Health Ministry to come up with an immediate measure.

"If possible, it should be implemented early next year so that costs do not rise exponentially," he said.

"This is related to medicine prices as well.

"There are some bigger companies, I am not going to name them, that have charged Malaysia RM5,000 due to lax controls and monopoly," he said, adding that the same companies were charging Thailand RM1,500 for the same medicine.

DRG is a payment system that involves paying an amount that is predetermined by the DRG instead of paying for each service received.

Anwar said while he accepts the private sector's justification for rising costs being an increase in medication prices, manpower pay and equipment costs, he questioned whether medication costs can be kept at bay with the use of generic medicines.

The Prime Minister also said that Bank Negara and the Health Ministry will control rising insurance premiums and decide on a mechanism so that the hike will not be too drastic and burdensome to patients.

Bayan Baru MP Sim Tze Tzin then suggested that a temporary moratorium be imposed on insurance premiums hike to allow Bank Negara and the Health Ministry to study the situation.

"I have received complaints from the public. A cancer patient said he had diligently paid premiums for decades but after retiring and not having an income, the policy suddenly rose by 70% to 80%.

"The patient had to give it up and fund the cancer (treatment) on his own. With protection no longer available, the person has to go to a government hospital," he said.

Sim then asked how those who had to give up their insurance policies, especially retirees, could be helped.

To this, Anwar said what the government is doing is not a moratorium but an interim measure.

He said amendment to laws and the introduction of a DRG model could help control the situation.

WATCH THE VIDEO
TheStarTV.com



WEATHER

PRAYER TIMES

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

NST M/S 6 NATION 11/12/2024 (RABU)

ADJUSTMENTS BEING MADE

PM: MEDICAL PREMIUMS HIKE UNDER REVIEW

Firms say it is based on a lower threshold and high cost of medicines, services

HANA NAZ HARUN
AND FAHMY A. ROSLI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

BANK Negara Malaysia, the Treasury Department and Health Ministry are reviewing the increase in medical insurance premiums, said Datuk Seri Anwar Ibrahim.

The prime minister told the Dewan Rakyat yesterday that strict guidance would be issued for medical and health insurance and takaful (MHIT), as well as insurers and takaful operators (ITO).

Anwar said based on the explanation from insurance companies, the increase was based on a lower threshold in Malaysia, and the high cost of medicines and services.

"However, the Health Ministry and Bank Negara are in the process of adjusting (this) so the increase (of medical insurance premiums) is reasonable and not burdensome," he said during Prime Minister's Question Time in Parliament.

Anwar said this in response to a question from Suhaizan Kalat (Pakatan Harapan-Pulai), who wanted to know of the government's measures to address the proposed increase in medical insurance premiums of between 40 and 70 per cent.

Suhaizan also wanted the government to explain the country's medical cost inflation of 12.6 per cent last year, which was a two-fold increase in comparison to the global rate of 5.6 per cent.

Anwar stressed that he did not agree to the sharp increase in medical insurance premiums and said he only agreed to a slight increase that was deemed reasonable.

"We know that the reason (for the hike) is medical costs, particularly for medications."

"Currently, there is no control

and, in fact, the purchase of these medications has been under a monopoly for decades.

"That is why we will cancel some commitments with one or two companies and request the Health Ministry to obtain cheaper, more affordable generic medicines," Anwar added.

He said generic medicines were more commonly found in countries such as Brazil, India and China. The government, he said, would also come up with a diagnosis-related group to standardise specialist fees, by early next year.

Anwar said this would ensure that the costs for services, such as magnetic resonance imaging and CT scans, were reasonable and under control.

He also said the Health Ministry would introduce the "Rakan KKM" initiative where patients could choose additional facilities at a minimal cost. This, he said, would be a collaboration between government-linked investment companies and the Health Ministry.

Anwar added that the government would also look into amending the Private Healthcare Facilities and Services Act Schedule 13.

Bank Negara, meanwhile, has pledged to find interim solutions to address the increase in medical insurance premiums.

Bayan Baru member of parliament Sim Tze Tzin said: "The government explained several factors behind the medical insurance premium hike.

"Among them, Malaysia has recorded a rise in non-communicable diseases, making it the highest in Asia, (along) with increasing health claims, rising medical inflation, and issues such as salaries for healthcare workers like nurses and doctors.

"Whatever the case, we await the government's decision. The engagement this morning was commendable."



AKHBAR : THE SUN

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : JOHOR

THE SUN M/S 2 NATIONAL 11/12/2024 (RABU)

Plan to keep insurance premium hike in check

KUALA LUMPUR: Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim announced yesterday that Bank Negara Malaysia (BNM) and the Health Ministry will implement measures to ensure that medical insurance premiums do not rise excessively, burdening the public or contributing to increased inflation.

He said BNM and the finance and health ministries are currently working on strict guidelines for medical and health insurance providers, *takaful* operators and insurers to consider multiple factors when adjusting premiums.

"The inevitable increase is due to the lower threshold in Malaysia, with high medical costs and expensive services, according to explanations from insurance companies.

"However, the Health Ministry and BNM are collaborating closely to ensure that any

increase is reasonable and does not burden the people," he said during Minister's Question Time at the Dewan Rakyat yesterday.

Anwar was responding to Suhaizan Kaiat (PH-Pulau), who asked about government measures to address the reported rise in medical insurance premiums by 40% to 70%, and the 12.6% inflation rate in medical costs in 2023, which is more than twice the global average of 5.6%.

Anwar attributed the increase in medical costs to the rising prices of medicines, advanced medical equipment and escalating remuneration rates.

"For decades, there has been a lack of control and a monopoly in the procurement of medicines. We will cancel several commitments to one or two companies," he said.

Giving an example, Anwar highlighted a large company selling medicines to Malaysia for RM5,000 due to monopoly and lax control, while the same drug is sold in Thailand for only RM1,500.

To address these issues, the government plans to introduce cost standardisation guidelines known as diagnosis-related groups to set reasonable charges for procedures such as magnetic resonance imaging and computerised tomography scans.

Additionally, amendments to the Private Healthcare Facilities and Services Act 1998 will be made.

Anwar also announced the implementation of the Rakan KKM programme, a collaboration with government-linked investment companies, enabling patients to access additional facilities at minimal cost. — Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA DEPAN

UTUSAN MALAYSIA M/S 1 M/DEPAN 11/12/2024 (RABU)

Kementerian Kesihatan, Bank Negara akan tetapkan jumlah kenaikan elak bebaskan rakyat

Kadar premium insurans dikawal

Oleh ARIF AIMAN ASROL, HAFIZ SAIDINA
dan FATIN NORIZATI MAT ISA
utusannews@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Sebarang kenaikan kadar premium insurans akan ditentukan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) supaya tidak membebaskan rakyat dan mengelak inflasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan, kerajaan sedar akan keperluan menaikkan premium itu oleh industri tetapi ia perlu dikawal untuk memastikan ia tidak membebaskan rakyat.

Katanya, alasan untuk mewajarkan kenaikan tersebut boleh diterima dan munasabah, tetapi kawalan perlu dilaksanakan bagi mengelakkan masalah kepada pesakit dan memberi impak negatif terhadap inflasi.

"Kita faham ada sedikit peningkatan dengan alasan munasabah, tetapi harus dikawal."

"BNM dan KKM akan menentukan kenaikan itu tidak akan terlalu tinggi dan menimbulkan banyak masalah kepada pesakit dan masalah kepada peningkatan inflasi," katanya menjawab soalan Suhaizan Kaiat (PH-Pulau) di Dewan Rakyat, semalam.

Bersambung di muka 2



Berpindah sekali lagi

PENDUDUK Kampung Baru Tok Kaya Kanan di Kemasik, Kemaman, menggunakan tong air besar membawa kanak-kanak untuk berpindah ke PPS berhampiran, selepas kediaman mereka sekali lagi dilanda banjir, semalam. - UTUSAN/PUQTRA HAIRRY

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 2 D/N NEGERI 11/12/2024 (RABU)

Kadar premium insurans dikawal

Dari muka 1

Utusan Malaysia pada 26 November lalu melaporkan, polisi insurans perubatan dijangka naik antara 40 hingga 70 peratus tahun depan dengan alasan kos perubatan di hospital swasta semakin mahal.

Ekoran itu ramai pengguna bertindak menamatkan polisi insurans perubatan mereka selain mempersoalkan kenaikan yang disifatkan membebankan dan tidak munasabah.

Dalam pada itu, Anwar berkata, kerajaan akan mengumumkan pelaksanaan program Rakan KKM, inisiatif antara KKM dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICs) untuk meningkatkan sistem penjagaan kesihatan awam di Malaysia.

"Program ini membolehkan Kementerian, GLICs, dan pesakit memilih kemudahan tambahan dengan kos yang lebih rendah, bukan di hospital yang sesak atau sektor swasta yang kosnya terlalu tinggi," katanya.

Perdana Menteri turut memberitahu, kerajaan merancang meminda Akta 386 (2013) awal tahun hadapan untuk mengawal kenaikan kos perubatan yang semakin membebankan rakyat.

Bagaimanapun beliau berkata, antara langkah jangka pendek untuk mengawal kenaikan kos rawatan adalah dengan memperkenalkan Kumpulan Terkait Diagnosis (DRG) secara menyeluruh.

"Saya dah minta Kementerian Kesihatan (KKM) menetapkan kaedah yang segera dan ini telah dibincangkan panjang, kalau sebaiknya awal tahun hadapan supaya jangan terlalu tinggi kos itu," katanya.

Akta 386 (2013) merujuk kepada Akta Perubatan (Pendaftaran dan Kawalan) 2013 yang dikenali juga sebagai Akta Perubatan (Pendaftaran dan Kawalan) 2013 (Akta 586).

Akta itu adalah undang-

Program ini membolehkan Kementerian, GLICs, dan pesakit memilih kemudahan tambahan dengan kos yang lebih rendah."

undang yang mengawal dan mengaturkan pendaftaran serta kawalan terhadap profesion perubatan di Malaysia untuk memastikan amalan perubatan yang selamat, beretika, dan berwibawa.

Dalam perkembangan sama, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan membatalkan komitmen kontrak dengan beberapa syarikat pengeluar ubat yang memonopoli sektor kesihatan negara bagi menangani kos perubatan yang semakin meningkat.

Menurut Anwar, langkah itu bertujuan membuka ruang dalam mencari ubat generik yang lebih murah dan berpatutan sekali gus mengurangkan beban kos rawatan kepada rakyat, tanpa kompromi terhadap keberkesanan.

"Kita tahu alasan kos perubatan. Pertama, ubatan sekarang ini tiada kawalan dan malah pembelian ubat ini selama puluhan tahun ini monopoli, jadi sebab itu kita akan batalkan beberapa komitmen kepada satu hingga dua syarikat.

"Kita minta Kementerian Kesihatan seperti mana beberapa negara lakukan, menjelajah ke beberapa negara supaya mendapat ubat generik yang lebih murah dan berpatutan. Ubat generik ini lebih terkenal di Brazil, India dan China

umpamanya, yang dikaji dan tidak semestinya terikat dari Amerika atau Eropah yang kosnya terlalu tinggi," katanya.

Perdana Menteri turut mencadangkan sektor kesihatan swasta membeli ubat secara pukal bagi menurunkan kos perubatan di negara ini.

Menurut Anwar, langkah itu sudah dilaksanakan dan berjaya di sektor kerajaan, termasuk KKM, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

"Kos ini dapat dikurangkan antara 20 hingga 25 peratus, bahkan lebih rendah lagi. Jadi kita akan cadangkan ini kepada sektor swasta," katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, KKM sedang giat menjalankan sesi libat urus mengenai sistem DRG dengan pihak berkepentingan untuk meningkatkan ketelusan caj rawatan di hospital.

"Sistem ini membolehkan kadar bayaran untuk setiap prosedur atau penyakit dapat ditentukan dan diseragamkan dengan lebih mudah dan konsisten," katanya selepas Majlis Perasmian Pameran dan Persidangan Peranti Perubatan Antarabangsa (IMDEC) 2024 di ibu negara.

Di Parlimen, Dr. Zulkefly berkata, pengamal perubatan yang terkesan dalam isu pengiktirafan selepas menamatkan latihan kepakaran dalam Program Parallel Pathway akan dipertimbangkan semula selepas Akta Perubatan (Pindaan) 2024 dikuatkuasakan.

"Pengamal perubatan yang telah lengkap latihan kepakaran dalam bidang Pembedahan Kardjotorasik, Pembedahan Plastik dan Perubatan Keluarga yang terjejas dalam isu pengiktirafan ini akan dipertimbangkan semula untuk didaftarkan MPM," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

Isu kenaikan insurans perubatan

BERITA HARIAN M/S 3 NASIONAL 11/12/2024 (RABU)

BNM, KKM diarah tetapkan kaedah kawal premium insurans

Langkah pastikan tidak beri banyak masalah kepada pesakit, sumbang kenaikan inflasi

Oleh Fahmy A Rosli dan
Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur. Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kesihatan (KKM) diarah menetapkan kaedah kawalan segera supaya kenaikan premium insurans tidak terlalu tinggi sehingga menimbulkan banyak masalah kepada pesakit dan menyumbang kepada peningkatan inflasi.

Pada masa sama, BNM bersama Perbendaharaan dan KKM sedang meneliti dan merangka panduan tegas untuk memastikan syarikat insurans dan pengendali 'takaful' (MHIT dan TFO) mengambil kira pelbagai aspek sebelum menaikkan premium.

Menegaskan demikian, Perda-

na Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penetapan kaedah itu sebaik-baiknya disiapkan awal tahun depan sementara menunggu kerajaan melaksanakan kawalan Kumpulan Berkaitan Diagnosis (DRG) dan pindaan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

"Kemungkinan meminda Akta 586 kerana kawalan ini sukar kita persetujui kerana kenaikannya mendadak. KKM akan mengkaji dan melihat sekiranya terdapat keperluan untuk meminda akta itu, khususnya bagi penetapan caj konsultasi perubatan.

"Kita akan memperkenalkan kawalan DRG dan ini yang harus disegerakan.

"Kalau sebaiknya awal tahun depan supaya jangan terlalu tinggi kos," katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Perdana Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar yang juga Menteri Kewangan menjawab soalan Suhailizan Kalat (PH-Pulau) yang mahukan Perdana Menteri menjelaskan langkah jangka pendek kerajaan menangani kenaikan premium insurans perubatan antara 40 hingga 70 peratus serta kadar inflasi kos perubatan negara yang mencapai 12.6 peratus pada

2023, iaitu lebih dua kali ganda berbanding purata global sebanyak 5.6 peratus.

Kelmarin, beberapa Ahli Parlimen termasuk blok kerajaan menggesa KKM membentuk pasukan petugas untuk menyiasat kenaikan premium dan mencari penyelesaian memanfaatkan semua pihak melibatkan hospital swasta, syarikat insurans dan orang ramai.

Kaji kurangkan kos ubat

Mengulas lanjut mengenai perkara itu, Anwar berkata, KKM sedang mengkaji cara untuk mengurangkan kos ubat dan perkhidmatan yang disebut oleh syarikat insurans sebagai sebab kenaikan itu.

Katanya, antara alasan utama kenaikan kos perubatan adalah harga ubat-ubatan, alat perubatan baharu serta kenaikan kadar upah dan gaji.

"Pada masa ini, tiada kawalan yang ketat, malah pembelian ubat selama puluhan tahun ini telah menjadi monopoli. Oleh sebab itu kita akan membatalakan beberapa komitmen kepada satu dua syarikat.

"Kita juga minta Kementerian Kesihatan seperti yang dilakukan oleh beberapa negara lain

untuk, melawat ke negara-negara tertentu bagi mendapat ubat generik yang lebih murah dan berpatutan.

"Ubat generik ini lebih banyak dihasilkan di Brazil, India dan China yang telah melalui kajian dan semestinya tidak bergantung pada ubat dari Amerika Syarikat atau Eropah yang kosnya terlalu tinggi," katanya.

Perdana Menteri memberikan contoh mengenal syarikat besar yang menjual ubat kepada Malaysia pada harga RM5,000 disebabkan monopoli dan kawalan yang longgar. Sebaliknya, ubat yang sama dijual di Thailand pada harga RM1,500.

Sehubungan itu, beliau berkata, kerajaan akan memperkenalkan garis panduan untuk menstandardkan kos yang dikenali sebagai *Diagnosis-related Groups* (DRGs) bagi memastikan kos munasabah, seperti untuk *Magnetic Resonance Imaging* (MRI) atau *Computerized Tomography* (CT) Scan.

Kerajaan juga akan meminda Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).

Perdana Menteri berkata, KKM juga sedang melaksanakan program Rakan KKM dengan kerja-

sama syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLICs), dengan pesakit boleh memilih beberapa kemudahan tambahan dengan kos minimum.

Kepada soalan tambahan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat) berhubung sama ada kerajaan akan mengawal caj perubatan hospital swasta, Anwar berkata, beliau menerima kadar kenaikan caj yang munasabah, namun harus dikawal agar tiada untung berlebihan.

"Saya terima kenyataan kenaikan munasabah yang saya pertikalkan sekarang ialah kos ubat itu, adakah tepat, mengapa tidak digunakan generik, tidak dibeli secara pukal untuk mengurangkan kos," katanya.

Bagaimanapun, Anwar berkata secara umumnya, kos rawatan di Malaysia masih kompetitif berbanding negara jiran dengan terdapat hospital swasta yang menerima peningkatan pesakit dari luar negara.

"Ini kerana kos (rawatan) kita dianggap rendah, jadi sedikit kenaikan premium saya fikir munasabah. Cuma bagaimana Bank Negara boleh kawal supaya ia tidak membebbankan pengguna dan menyebabkan kenaikan inflasi," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Hasil siasatan kes kematian pakar perubatan patologi seawal bulan depan

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) akan mengumumkan hasil siasatan jawatankuasa bebas yang ditubuhkan bagi menyiasat kematian pakar perubatan patologi di Hospital Lahad Datu, Sabah, seawal bulan depan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata KKM menetapkan tempoh selama tiga bulan, namun jika hasil siasatan dapat diberikan dalam tempoh terdekat, pihaknya tidak akan menunggu sehingga Januari.

"Kalau dapat lebih awal, kita akan mengadakan sidang media untuk memberikan butiran hasil siasatan memandangkan jawatankuasa bebas ini bukan di bawah KKM, jadi kita tidak boleh mendesak untuk menyegerakan siasatan.

"Bagaimanapun, KKM akan telus dan tiada sebarang perkara akan disembunyikan," katanya selepas merasmikan Pameran dan Persidangan Peranti Perubatan Antarabangsa (IMDEC) 2024, di sini, semalam.

Pada 29 Ogos lalu, seorang doktor ditemui mati di kediamannya di Lahad Datu, Sabah yang didakwa disebabkan tindakan bunuh diri, berikutan tidak tahan dibuli oleh ketua jabatannya.

Perkara itu didedahkan adik mangsa, yang dikenali sebagai YS Tay yang mendakwa kakaknya, Dr Tay Tien Yaa, ditindas pegawai atasannya, selain menghadapi tekanan sepanjang bertugas di unitnya akibat beban kerja melampau.

Tay dalam perkongsian melalui akaun Facebooknya berkata, kakaknya yang sebelum ini berkhidmat sebagai Ketua Unit Patologi Kimia di Jabatan Patologi juga terpaksa berurusan dengan pemeriksaan instrumen, menghadiri mesyuarat, penyediaan laporan, menguruskan sumber manusia dan perancangan kewangan jabatan.

Dr Tien Yaa menamatkan pengajian di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 2023 sebelum melapor diri di Hospital Lahad Datu pada Februari 2024.



Dr Dzulkefly meluangkan masa melawat reruai pameran selepas merasmikan IMDEC 2024 di Kuala Lumpur, semalam.

(Foto BERNAMA)

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO m/s 16 LOKAL 11/12/2024 (RABU)

Kuala Lumpur: Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Bank Negara Malaysia (BNM) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan menentukan kawalan supaya kenaikan premium insurans perubatan tidak terlalu tinggi sehingga menimbulkan banyak masalah kepada pesakit dan menyumbang kepada peningkatan inflasi.

Beliau berkata, BNM bersama Perbendaharaan dan KKM sedang meneliti dan merangka panduan tegas untuk memastikan

KENAIKAN PREMIUM INSURANS PERUBATAN

BNM, KKM akan tentukan kawalan

syarikat insurans dan pengendali takaful (MHIT dan ITO) mengambil kira pelbagai aspek sebelum menaikkan premium.

"Kenaikan ini adalah bersandarkan threshold yang lebih rendah di Malaysia serta kos perubatan dan perkhidmatan yang tinggi, seperti dijelaskan oleh syarikat insurans.

"Bagaimanapun, KKM dan BNM kini sedang menyelaraskan tindakan supaya kenaikan tersebut munasabah dan tidak membebankan rakyat,"

katanya pada sesi Waktu Pertanyaan Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Anwar menjawab soalan **Suhaizan Kaiat (PH-Pulai)** mengenai langkah kerajaan mengatasi masalah kenaikan premium insurans perubatan antara 40 hingga 70 peratus, serta kadar inflasi kos perubatan negara yang mencapai 12.6 peratus pada 2023, iaitu lebih dua kali ganda berbanding purata global sebanyak 5.6 peratus. - Bernama

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

HARIAN METRO M/S 16 LOKAL
KKM diarah cari alternatif dapatkan bekalan ubat-ubatan 11/12/2024 (RABU)

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) diarah mencari alternatif untuk mendapatkan bekalan ubat-ubatan dari negara seperti Brazil, India dan China bagi mengelakkan kebergantungan sepenuhnya terhadap sumber tertentu sahaja.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, ketika ini bekalan ubat-ubatan yang digunakan di negara ini banyak bergantung pasaran dari Amerika Syarikat (AS) dan Eropah yang kos untuk membelinya terlalu tinggi. Justeru, beliau memutuskan untuk membatalkan beberapa komitmen terhadap syarikat yang dipertanggungjawab untuk membawa masuk bekalan ubat-ubatan berkenaan.

Dalam masa sama, beliau juga mahu KKM mendapatkan ubat-ubatan generik yang harganya jauh lebih murah dan berpatu-

tan bagi mengimbangi kos perubatan di negara ini.

"Kita tahu bahawa alasan (kenaikan) kos perubatan... pertamanya ubatan. Jadi sekarang ini tidak ada kawalan, malah pembelian ubat ini selama puluhan tahun (secara) monopoli.

"Jadi sebab itu, kita akan batalkan beberapa komitmen terhadap satu, dua syarikat dan minta KKM seperti mana beberapa negara lain lakukan, menjelajah ke beberapa negara supaya mendapat ubat generik yang lebih murah dan berpatutan," katanya pada Waktu Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan dikemukakan oleh **Suhai-zan Kaiat (PH-Pulai)** yang meminta Perdana Menteri menyatakan langkah kerajaan bagi mengatasi kenaikan premium insurans perubatan antara 40 hingga 70 peratus.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Kosmo M/S 4 NEGARA 11/12/2024 (RABU)

BNM, KKM bakal keluar panduan tegas elak MHIT, ITO bebaskan rakyat

Kerajaan kawal kenaikan insurans

DEWAN RAKYAT

Oleh HARRITH HISHAM

KUALA LUMPUR — Kerajaan memberi jaminan untuk mengawal kenaikan premium insurans supaya tidak menimbulkan masalah kepada pesakit dan peningkatan inflasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) dan Bank Negara Malaysia (BNM) akan mengeluarkan panduan tegas supaya takaful perubatan serta kesihatan (MHIT) dan syarikat insurans (ITO) mengambil kira beberapa hal.

"Kenaikan ini adalah berdasarkan kepada penanda aras yang lebih rendah di Malaysia dan kos perubatan dan perkhidmatan yang tinggi, itu penjelasan pihak insurans.

"Namun, pihak KKM dan BNM sedang menyelaraskan supaya kenaikan itu boleh dianggap munasabah dan tidak membebankan," katanya pada Sesi Pertanyaan Perdana Menteri di



ANWAR ketika menjawab soalan pada sesi Pertanyaan Perdana Menteri pada Sidang Dewan Rakyat di Bangunan Parlimen, Kuala Lumpur semalam. — IHSAN JABATAN PENERANGAN

Dewan Rakyat semalam.

Anwar menjawab pertanyaan Suhaizan Kaiat (PH-Pulau) yang meminta Perdana Menteri menyatakan langkah kerajaan mengatasi masalah kenaikan premium insurans perubatan antara 40 hingga 70 peratus dan inflasi

kos perubatan negara sebanyak 12.6 peratus pada 2023, lebih dua kali ganda berbanding purata global 5.6 peratus.

Anwar berkata, bagi menangani isu monopoli dalam perolehan ubatan, kerajaan akan membatalkan komitmen dengan bebera-

pa syarikat.

"Kita minta KKM menjelajah ke beberapa negara supaya mendapat ubat generik yang lebih murah dan berpatutan.

"Ubat generik ini lebih terkenal di Brazil, India dan China umpamanya yang dikaji dan

tidak semestinya terikat dari Amerika atau Eropah yang kosnya terlalu tinggi," jelasnya.

Selain itu, katanya, kerajaan juga sedang mengkaji untuk mewujudkan garis panduan iaitu diagnosis-related group (DRG) sebagai kawalan untuk menstandardkan kos.

"Kita rujuk kepada pakar dan dia tentukan tetapi apakah munasabah kos untuk Pengimejan Resonans Magnetik (MRD) atau CT Scan yang ditentukan, jadi ini harus dikawal.

"Keduanya, seperti mana yang berlaku di Barat seumpamanya, kalau dia buat stent, apa jaminan supaya pesakit itu dalam tempoh dua atau tiga tahun tetap kekal, kalau dia pulang ke hospital dengan permasalahan itu, apakah harus dikenakan syarat hospital itu perlu membayar sebahagian atau setengah atau sepenuhnya kos," jelasnya.

Ujarnya, KKM kini sedang melaksanakan program di mana Kementerian dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) serta pesakit boleh memilih beberapa kemudahan tambahan dengan kos minimum.

"Berbalik kepada soalan pokok tentang premium insurans ini yang meningkat, kita faham ada sedikit peningkatan dengan kemunasabahan alasan yang diberi tetapi harus dikawal," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

TELUS & TULUS • MATA DAN TELINGA RAKYAT • PEMACU PERUBAHAN

SINAR HARIAN M/S 14 NASIONAL 11/12/2024 (RABU)

KKM adakan sesi libat urus tingkat kesedaran kesihatan mental kanak-kanak

ANG
LIMEN

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menumpukan untuk menjalankan sesi libat urus secara komprehensif bersama pihak berkepentingan termasuk badan bukan kerajaan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat berhubung kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Lukanisman Awang Sauni berkata, ini kerana masih terdapat stigma daripada ibu bapa yang tidak dapat menerima sekiranya anak mereka dikenal pasti mengalami masalah kesihatan mental.

"Apabila guru-guru kaunseling mendapati ada dalam kalangan kanak-kanak terutama di sekolah rendah mempunyai masalah mental, stigma masyarakat dan ibu bapa tidak dapat menerima untuk menghantar anak-anak mendapatkan saringan dan rawatan di fasiliti kesihatan," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (**PH-Bandar Tun Razak**) mengenai keberkesanan langkah-langkah menerusi Dasar Keselamatan Negara 2021-2025 bagi laporan yang merekodkan 424,000 kanak-kanak berumur

"Ini kerana masih terdapat stigma daripada ibu bapa yang tidak dapat menerima sekiranya anak mereka dikenal pasti mengalami masalah kesihatan mental."

- Datuk Lukanisman Awang Sauni

lima hingga sembilan tahun di Malaysia disahkan mengalami masalah mental.

Lukanisman berkata, Malaysia mempunyai program dan modul kesihatan mental yang baik dan dipuji negara luar, namun proses pengukuhan pemahaman dalam kalangan masyarakat berhubung perkara itu masih kurang.

Beliau turut menyarankan ahli Parlimen untuk menganjurkan program peningkatan pemahaman terhadap kesihatan mental di kawasan masing-masing.

Tambahnya, KKM menyasarkan untuk melahirkan 30 pakar psikiatri kanak-kanak dan remaja menjelang 2027 dan sehingga kini negara mempunyai 18 pakar berkenaan yang berkhidmat di hospital awam.

AKHBAR : NEW
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

NST M/S 10 NATION 11/12/2024 (RABU)

PAHANG, TERENGGANU AND KELANTAN

BOOST FOR EARLY BREAST CANCER DETECTION

Initiative will
improve early
detection for women
in rural areas

NAZDY HARUN
KUALA NERUS
news@nst.com.my

SULTAN Zainal Abidin Hospital has launched a mobile 3D mammogram truck to improve early breast cancer detection, particularly in rural areas of Pahang, Terengganu and Kelantan.

Hospital director Professor Datuk Dr Ahmad Zubaidi A. Latif said the truck is equipped with a Selenia Dimensions 3D tomosynthesis mammogram machine from the United States.

He said this advanced technol-

ogy could provide high-quality images with highly important diagnostic value for the early detection of breast cancer.

He added that to complement the service, the truck was also equipped with an ultrasound machine for additional and more comprehensive analysis.

"The truck is also integrated with the Total Hospital Information System to facilitate patient registration and examination requests," Dr Zubaidi said in a statement yesterday.

"With support from the Radiology Information System and Picture Archiving Communication System, mammogram images can be sent directly from the truck to radiology specialists at Sultan

Zainal Abidin Hospital for analysis through teleradiology, as well as to other hospitals both in the country and internationally via the latest communication technology."

The mobile mammogram was officially launched by Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir at the Putrajaya International Convention Centre during the Putrajaya Festival of Ideas.

Sultan Zainal Abidin University (UnisZA) Vice-Chancellor Professor Datuk Dr Fadli Adam said

the mobile mammogram truck was a proactive step in providing access to breast cancer screenings.

This, he said, was especially so

for women in rural areas with limited access to healthcare services.

"Through this programme, Sultan Zainal Abidin Hospital hopes to increase breast cancer detection and raise awareness about the importance of early screening," he said.

"This project provides an opportunity for more women to undergo screenings, either for free or at a minimal cost."

Fadli added that this initiative not only demonstrated UnisZA and Sultan Zainal Abidin Hospital's commitment to empowering women's healthcare, but also reflected the Higher Education Ministry's Priority Madani goals in building a

healthier and more prosperous society.

He said efforts were being made to address the main issue of detecting breast cancer at an early stage, increasing chances of a person achieving full recovery.

He said that this concept was further strengthened with the launch of the Cempaka (Cegah Sebelum Parah Kanser Payudara, or Prevent Breast Cancer Before It Gets Worse) website, which aims to raise awareness about early detection, treat-

ments available through the Madani government, and, most importantly, spreading the knowledge among all members of society, including teenagers.



The mobile 3D mammogram truck was officially launched by Higher Education Minister Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir at the Putrajaya International Convention Centre during the Putrajaya Festival of Ideas.
PIC TAKEN FROM SULTAN ZAINAL ABIDIN HOSPITAL'S FB



Datuk Dr Ahmad Zubaidi A. Latif



Professor Datuk Dr Fadli Adam